

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
KAWASAN : **BENTONG**
TARIKH : **9.6.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **23**

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dan keberkesanan usaha Kementerian dalam mengurangkan harga kereta di Malaysia seperti yang termaktub dalam Dasar Automotif Nasional (NAP) Rangka kerja Pengurangan Harga Kereta.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah membuat komitmen untuk menurunkan harga kereta secara berperingkat di antara 20 hingga 30 peratus dalam tempoh lima tahun. Bagi memastikan penurunan harga kereta dilaksanakan dengan berkesan tanpa menjejaskan sektor automotif secara keseluruhan, langkah-langkah penurunan harga kereta telah dilaksanakan secara berperingkat.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kereta mengenai usaha-usaha untuk melaksanakan penurunan harga kereta seperti melalui:

- (i) penambahbaikan kecekapan operasi oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kereta tempatan bagi mengurangkan kos pengeluaran mereka; dan
- (ii) liberalisasi pasaran di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (Free-Trade Agreement - FTA) yang turut meningkatkan persaingan kepada pengeluar-pengeluar dan pemasang kereta tempatan.

Usaha-usaha bersama pihak Kerajaan dan syarikat pengeluar kereta tempatan ini jelas berkesan kerana beberapa syarikat telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing iaitu:

- (i) penurunan harga semasa pengenalan model/varian baharu; dan
- (ii) penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Selain itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang memperkenalkan program promosi dan rebat di antara RM2,000 hingga RM8,000 yang bersifat sementara. Antara program yang ditawarkan termasuklah pemberian insurans dan bayaran cukai jalan, baucer petrol, pemberian 5 tahun servis percuma dan waranti.